

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(VI)24**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

24. Pemasangan *Closed-circuit television* (CCTV).

- (a) Berapakah CCTV yang telah dipasang di sekitar Negeri Pulau Pinang?
- (b) Apakah rasionalnya apabila tender pemasangan CCTV diberikan kepada syarikat dari luar Negeri Pulau Pinang. Semasa CCTV tidak berfungsi, syarikat tersebut tiada pasukan teknikal yang boleh baiki dengan cepat memandangkan CCTV merupakan alat yang penting sekarang untuk Negeri Pulau Pinang mencapai negeri *Smart City*.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

24. (a) Sehingga kini, sebanyak 1,177 unit *Closed-circuit television* (CCTV) telah dipasang di Negeri Pulau Pinang iaitu **935 unit** di kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan **242 unit** di kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Kesemua kamera CCTV tersebut telah beroperasi dan boleh dipantau melalui bilik kawalan CCTV milik MBPP dan MBSP serta pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).
- (b) Bagi projek pemasangan dan penyelenggaraan CCTV di kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), proses perolehan dibuat secara tender terbuka. Syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di seluruh Malaysia adalah layak untuk menyertai tender tersebut. Syarikat yang menyertai tender juga perlu memenuhi semua kriteria dan

spesifikasi tender yang ditetapkan. Syarikat yang memberikan tawaran yang paling menguntungkan kepada PBT akan dilantik untuk melaksanakan projek dan kerja-kerja penyelenggaraan sistem CCTV.

Bagi memastikan syarikat yang dilantik mampu menjalankan kerja-kerja pembaikan peralatan CCTV dengan cepat, satu klausa dalam syarat kontrak mewajibkan agar syarikat memenuhi spesifikasi *Service Level Agreement* (SLA) dalam peratusan yang ditetapkan oleh PBT. Sekiranya syarikat yang dilantik tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan, maka tindakan undang-undang boleh dikenakan terhadap syarikat berkenaan.

PBT akan sentiasa memastikan bahawa pasukan teknikal kontraktor berupaya menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan dengan cepat dalam tempoh yang ditetapkan.